



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 14 April 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JKM Sediakan Peruntukan Kepada Pesakit Yang Memerlukan https://suarasarawak.my/jkm-sediakan-peruntukan-kepada-pesakit-yang-memerlukan/	Suara Sarawak	Neutral
2	Bapa Tiri Berdepan 32 Pertuduhan Termasuk Rogol Anak, Hukuman 830 Tahun Penjara https://malaysiagazette.com/2023/04/13/bapa-tiri-berdepan-32-pertuduhan-termasuk-rogol-anak-hukuman-830-tahun-penjara/	Malaysia Gazette	Neutral
3	Tragedi Bot Karam: Abang Ditemui Lemas, Adik Masih Hilang		Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/254396/berita/s-emas/tragedi-bot-karam-abang-ditemui-lemas-adik-masih-hilang</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/bot-karam-wanita-lemas-dua-kanak-kanak-hilang-di-sungai-penawan/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/bot-karam-wanita-lemas-dua-kanak-kanak-hilang-di-sungai-penawan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=bot-karam-wanita-lemas-dua-kanak-kanak-hilang-di-sungai-penawan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/956645/bot-karam-di-sepulut-mayat-kanak-kanak-ditemukan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/13/bot-karam-di-sepulut-mayat-kanak-kanak-ditemui-2-masih-hilang/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>FMT</p>	
4	<p>Kanak-Kanak 4 Tahun Melecur Separuh Badan Angkara Bunga Api</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/662061</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=G6gNsYIp020</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=mkqG3wxe3OE</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-melecur-46-peratus-badan-akibat-disambar-api-ketika-bermain-bunga-api/</p> <p>https://www.thesundaily.my/home/kanak-kanak-perempuan-melecur-46-ketika-bermain-bunga-api-NP10866830</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita Al-Hijrah</p> <p>Buletin TV3</p> <p>The Sun Daily</p>	Neutral
5	<p>Kanak-Kanak Dilahirkan Tanpa Cuping Telinga</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/kanak-kanak-dilahirkan-tanpa-cuping-telinga/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral

6	<p>Bayi Ada Masalah Jantung Meninggal Dunia Di Rumah Pengasuh</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956588/bayi-ada-masalah-jantung-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254348/berita/s-emas/bayi-maut-selepas-tidak-sedarkan-diri-di-rumah-pengasuh</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-maut-selepas-tidak-sedarkan-diri-di-rumah-pengasuh-415337</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/13/bayi-lelaki-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/bayi-4-bulan-maut-di-rumah-pengasuh/</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/04/1089602/bayi-4-bulan-ada-masalah-jantung-meninggal-di-rumah-pengasuh</p> <p>https://selangorkini.my/2023/04/bayi-empat-bulan-temui-ajal-di-rumah-pengasuh-di-batu-caves/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2181548</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
7	<p>Rangka Wanita Mangsa Bunuh Dalam Bagasi</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/956594/rangka-wanita-mangsa-bunuh-dalam-bagasi</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/13/rangka-wanita-ditemukan-dalam-bagasi-di-kulai/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/rangka-mayat-wanita-25-tahun-ditemui-dalam-beg/</p> <p>https://bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1089589/mayat-wanita-reput-ditemukan-dalam-bagasi</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=olPTZ-SPwbY</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV9</p>	Neutral

	<p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/mayat-wanita-disumbat-dalam-beg/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254359/berita/s-emas/rangka-mayat-wanita-ditemui-dalam-bagasi</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/13/rangka-wanita-ditemui-dalam-bagasi/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2181533</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-ditemui-dalam-beg-di-perhentian-bas/</p>	<p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Bernamea</p> <p>Buletin TV3</p>	
8	<p>'Kalau Ada Kaki Palsu Baharu, Jalan Pun Tidak Senget Lagi' [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956560/kalau-ada-kaki-palsu-baharu-jalan-pun-tidak-senget-lagi-metrotv</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
9	<p>Angkara Jam Tangan Rolex, Warga Emas Rugi Lebih Setengah Juta</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/angkara-jam-tangan-rolex-warga-emas-rugi-lebih-setengah-juta/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/13/suri-rumah-rugi-lebih-setengah-juta-ditipu-sindiket-jual-jam-tangan-rolex</p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p>	Neutral

JKM SEDIAKAN PERUNTUKAN KEPADA PESAKIT YANG MEMERLUKAN

<https://suarasarawak.my/jkm-sediakan-peruntukan-kepada-pesakit-yang-memerlukan/>

Sumber : Suara Sarawak



BELADIN: Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak menyediakan peruntukan untuk pemberian bantuan kepada pesakit yang memerlukan kos perubatan yang tinggi bagi urusan pembedahan atau pembelian peralatan sokongan khas.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Mohammad Razi Sitam berkata, bantuan tersebut dikhususkan kepada anggota masyarakat yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu di bawah RM1,169.

Menurutnya, Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg cukup peka dengan keperluan golongan terbabit yang pastinya sukar atau tidak mampu membiayai kos perubatan yang besar.

“Sehubungan itu, di bawah JKM Sarawak kita ada peruntukan yang diluluskan oleh Premier Sarawak.

“Mana-mana pesakit yang memerlukan kos perubatan yang agak besar dan berpendapatan di bawah garis kemiskinan, layak memohon.

“Saya risau ramai yang tidak mengetahui bantuan ini, maka saya berharap pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi boleh menguar-uarkan kepada semua,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sejambak Kasih Hari Raya Aidilfitri 2023 Peringkat Bahagian Betong (bagi Dun Beting Maro) di Dewan Masjid al-Amin dekat sini, hari ini.

Jelasnya, prosedur permohonan melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (PKMB) sebelum dibawa ke mesyuarat khas peringkat kementerian untuk dipertimbangkan.

BAPA TIRI BERDEPAN 32 PERTUDUHAN TERMASUK ROGOL ANAK, HUKUMAN 830 TAHUN PENJARA

<https://malaysiagazette.com/2023/04/13/bapa-tiri-berdepan-32-pertuduhan-termasuk-rogol-anak-hukuman-830-tahun-penjara/>

Sumber : Malaysia Gazette



MELAKA – Seorang bapa yang didakwa merogol anak tirinya bakal berdepan 32 pertuduhan termasuk merogol, melakukan amang seksual dan seks menggunakan objek terhadap anak tirinya berusia 16 tahun, tiga tahun lalu.

Ketua Polis Melaka, Datuk Zainol Samah berkata, suspek berusia 36 tahun akan berdepan pertuduhan itu di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka esok dengan isterinya yang turut direman menjadi saksi pendakwaan.

Menurutnya, siasatan kes itu sudah selesai dan telah dirujuk kepada Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) semalam bagi melengkapkan pendakwaan.

“Esok, suspek yang bekerja sebagai pengajar kelas renang akan berdepan 12 pertuduhan rogol di bawah Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan (KK) dan Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

“Lelaki itu juga akan didakwa bagi 12 tuduhan melakukan amang seksual mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

“Suspek juga akan dituduh atas lapan pertuduhan melakukan hubungan seks menggunakan objek di bawah Seksyen 377 CA KK,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Seksyen 376 (1) KK memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta sebatan, jika sabit kesalahan bagi setiap pertuduhan manakala Seksyen 376 (2) pula penjara tidak kurang 10 tahun dan maksimum 30 tahun berserta sebatan.

Manakala Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 pula boleh dipenjara hingga 20 tahun dan sebatan.

Bagi setiap kesalahan melakukan seks menggunakan objek pula mengikut Seksyen 377CA Kanun KK pula jika, sabit kesalahan boleh dipenjara minimum lima tahun dan maksimum 30 tahun serta sebatan.

Secara keseluruhannya, suspek berdepan 32 pertuduhan menjadikan jumlah maksimum hukuman dikenakan sebatan dan 830 tahun penjara jika sabit kesalahan.

Mengulas lanjut, Zainol berkata isteri supek yang turut direman sejak 9 April sehingga 15 April ini juga dijadikan saksi pendakwaan dalam kes ini.

Menurutnya, siasatan mendapati mangsa mendakwa dirogol oleh ayah tirinya sejak awal Januari 2020.

“Mangsa ketika itu sedang tidur di dalam biliknya sebelum didatangi suspek yang bertindak menutup mulutnya sebelum meraba dan merogol mangsa tanpa kerelaannya.

“Ketika kejadian isteri suspek sedang tidur di bilik rumah mereka di Taman Maju Jasin,” katanya.

MalaysiaGazette pada 9 April lalu melaporkan sepasang suami isteri direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes rogol seorang remaja perempuan yang juga anak tiri kepada lelaki berkenaan sejak tiga tahun lalu.

Pasangan itu ditahan sejurus tiba dari Sabah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 kira-kira pukul 9.30 malam sebelumnya.

Penahanan dibuat selepas mangsa yang sebelum ini dilaporkan hilang di Jasin dan merupakan anak kandung kepada wanita itu membuat laporan menjadi mangsa rogol bapa tirinya itu sejak tiga tahun lalu

Wanita itu yang bekerja sebagai peniaga nasi lemak juga ditahan kerana dipercayai turut mengetahui perbuatan suaminya itu.

Sebelum ini, media melaporkan seorang remaja perempuan hilang dari rumahnya di Jasin namun berjaya ditemui semula dalam keadaan selamat Rabu lalu selepas lebih dua minggu dilaporkan hilang. – MalaysiaGazette

TRAGEDI BOT KARAM: ABANG DITEMUI LEMAS, ADIK MASIH HILANG

<https://www.sinarharian.com.my/article/254396/berita/semasa/tragedi-bot-karam-abang-ditemui-lemas-adik-masih-hilang>

Sumber : Sinar Harian



KENINGAU - Salah seorang kanak-kanak yang hilang akibat [bot karam](#) ditemui lemas di tepi Sungai Penawan Kampung Sinsigon, Sapulut pada petang Khamis.

Mangsa, Joffizan Joffrinis, 9, ditemui pada jam 4.30 petang oleh orang awam dalam keadaan terapung, manakala adiknya, Carbrineleyvonne, 7, belum ditemui sehingga kini. Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sook, Faisal Ahmad berkata, mangsa yang ditemui merupakan anak pertama kepada wanita yang ditemui lemas pada hari kejadian.

"Operasi mencari dan penyelamat (SAR) hari ketiga diteruskan hari ini bermula jam 8.31 pagi di lokasi Jeti Salung ke Kampung Pagalungan.

"Hasil operasi, seorang kanak-kanak lelaki akhirnya ditemui sejauh 15 kilometer dari lokasi bot karam dalam keadaan terapung di tepi sungai," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Katanya, mayat mangsa kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

"Operasi ditangguhkan pada jam 5 petang dan akan disambung esok pagi," katanya.

Sinar Harian pada Rabu melaporkan bot yang dinaiki lima sekeluarga terbalik dan karam akibat arus deras ketika dalam perjalanan pulang dari kebun.

Akibat kejadian itu, Lerina Rody, 26, disahkan meninggal dunia manakala dua lagi anaknya hilang.

Suami mangsa, Joffrinis Palandok, 36, dan anak lelaki mereka, Jilan berusia lima tahun berjaya menyelamatkan diri.

KANAK-KANAK 4 TAHUN MELECUR SEPARUH BADAN ANGKARA BUNGA API

<https://www.malaysiakini.com/news/662061>

Sumber : Malaysia Kini

Seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun melecur 46 peratus pada bahagian anggota badannya dipercayai akibat disambar api ketika bermain bunga api di hadapan rumahnya di Kampung Senara, Kubur Panjang di Pendang, Selasa lepas.

Ketua Polis Daerah Pendang DSP Arriz Sham Hamezah berkata kejadian itu berlaku pada pukul 10.30 malam semasa Nur Zatil Hidayah Mohd Tarmizi bermain bersama dua abangnya yang masing-masing berumur tujuh dan 10 tahun.

"Pihak polis menerima panggilan pada 2.45 pagi daripada doktor di bahagian kecemasan, Hospital Pendang memaklumkan kejadian menimpa kanak-kanak itu yang terbakar pada bahagian anggota badan sebanyak 46 peratus akibat (dipercayai) terkena mercun," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Arriz Sham berkata ibu bapa mangsa mendengar teriakan kanak-kanak perempuan itu secara tiba-tiba dan kemudian mereka mendapati api sedang membakar tubuh anak mereka yang dipercayai terkena pelita api yang dipasang di hadapan rumah ketika cuba mencucuh api pada bunga api itu.

Katanya, ibu bapa mangsa membantu memadam api sebelum membawa mangsa ke Hospital Pendang untuk mendapatkan rawatan.

Beliau berkata hasil siasatan lanjut di tempat kejadian, menjumpai cebisan baju dan sebatang kayu pelita api.

"Kedua-dua abang mangsa tidak dapat ditemu bual kerana masih dalam keadaan trauma akibat kejadian tersebut. Mangsa kini ditempatkan di Wad Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU), Hospital Sultanah Bahiyah (Alor Setar)," katanya.

Arriz Sham berkata doktor tidak dapat menentukan punca kecederaan mangsa setakat ini sama ada disebabkan minyak pelita atau bunga api dan kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.

KANAK-KANAK DILAHIRKAN TANPA CUPING TELINGA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/kanak-kanak-dilahirkan-tanpa-cuping-telinga/>

Sumber : Utusan



MARANG: Seorang kanak-kanak lelaki berusia setahun di sini terpaksa membesar tanpa kedua-dua cuping telinga dan perlu sentiasa berulang-alik ke hospital dapatkan rawatan susulan serta pemantauan. Ahmad Shaheer Rafael Mohd. Sabri dari Kampung Titian Rawa, Bukit Payung di sini yang dilahirkan secara pembedahan turut mengalami masalah pada lelangit, hujung tulang belakang dan jantung berlubang. Menurut ayahnya, Mohd. Sabri Samsudin, 38, cahaya...

BAYI ADA MASALAH JANTUNG MENINGGAL DUNIA DI RUMAH PENGASUH

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956588/bayi-ada-masalah-jantung-meninggal-dunia-di-rumah-pengasuh>

Sumber : Harian Metro



Gombak: Bayi lelaki yang mengalami masalah kesihatan jantung meninggal dunia ketika berada di bawah jagaan pengasuh di Taman Selayang Jaya, Batu Caves, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Gombak Asisten Komisioner Zainal Mohamed Mohamed berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang wanita berusia 27 tahun memaklumkan anaknya berusia empat bulan tidak sedarkan diri di rumah pengasuh di Taman Selayang Jaya, Batu Caves.

"Bayi itu dibawa oleh ambulans ke Hospital Selayang dan disahkan meninggal dunia jam 11.53 pagi semalam oleh doktor.

"Hasil siasatan dilakukan mendapati bayi lelaki itu dijaga oleh pengasuh iaitu seorang wanita tempatan berusia 47 tahun.

"Difahamkan pada jam kira-kira 11 pagi (semalam), bayi itu tidak sedarkan diri semasa dikejutkan dari tidur," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Zainal berkata, pengasuh itu kemudian menghubungi ibu bayi terbabit bagi memaklumkan kejadian berkenaan.

"Proses bedah siasat terhadap mayat bayi berkenaan dilakukan kira-kira jam 9 pagi tadi di Hospital Selayang.

"Hasil bedah siasat mendapati punca kematian bayi berkenaan adalah masalah jantung sejak lahir (congenital heart disease)," katanya.

Beliau berkata, kes itu diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR).

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu diminta menghubungi pegawai penyiasat kes, Inspektor J J Winson di talian 016-2335454 atau hubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak di talian 03-61262222," katanya.'

RANGKA WANITA MANGSA BUNUH DALAM BAGASI

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/956594/rangka-wanita-mangsa-bunuh-dalam-bagasi>

Sumber : Harian Metro



Kulai: Rangka mayat seorang wanita ditemukan dalam sebuah beg bagasi yang ditinggalkan di dalam kiosk dekat perhentian bus terbiar di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintendan Tok Beng Yeow berkata, rangka mayat itu disahkan sebagai seorang wanita berusia dalam lingkungan 25 tahun ke atas dan dipercayai sudah meninggal dunia dalam tempoh lebih dua minggu.

"Hasil bedah siasat dijalankan Pakar Patologi Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru dari jam 11 pagi hingga 2.30 petang tadi mendapati terdapat kecederaan di bawah kulit kepalanya.

"Kita masih menunggu siasatan makmal dijalankan bagi mengenal pasti punca kematian mangsa," katanya menerusi kenyataan media, hari ini.



TOK Beng Yeow.

Terdahulu, Beng Yeow berkata, pihaknya menerima laporan awal mengenai penemuan rangka mayat dalam bagasi dekat perhentian bas Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) berhadapan bangunan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu, kira-kira jam 1.50 petang semalam.

Katanya, pemeriksaan awal di tempat kejadian mendapati rangka mayat berkenaan sukar untuk dijustifikasi jantina, umur dan tempoh kematian.

"Keadaan mayat sudah reput lebih 50 peratus menerusi pandangan mata kasar dan sudah berulat. Rangka mayat itu kemudian dihantar ke HSA untuk bedah siasat," katanya.

Beng Yeow berkata, kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan pihaknya memohon orang ramai yang mempunyai maklumat tentang kejadian itu supaya tampil membantu siasatan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi pegawai penyiasat kes, Asisten Superintendan Sivachandran di talian 016-2850204 atau hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kulai," katanya.

'KALAU ADA KAKI PALSU BAHARU, JALAN PUN TIDAK SENGET LAGI' **[METROTV]**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956560/kalau-ada-kaki-palsu-baharu-jalan-pun-tidak-senget-lagi-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Kuala Lumpur: "Kalau ada kaki palsu baharu nanti, saya boleh berjalan dengan lebih baik dan sudah tidak senget. Memudahkan saya pergi sekolah juga," kata Noor Iskandar Izzuddin Abu Mansor.

Noor Iskandar Izzuddin, 13, pelajar Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Teluk Gadong, Klang itu kudung kaki kiri sehingga paras lutut selepas terbabit kemalangan pada 2018.

"Saya menggunakan kaki palsu termasuk pergi ke sekolah. Yang lama sudah tidak boleh digunakan dengan baik, nanti kalau berjalan (dengan kaki palsu baharu) tidak senget," katanya yang juga anak bongsu daripada enam beradik itu.

Remaja itu memerlukan kaki palsu baharu yang lebih sesuai mengikut usia dan ketinggian berkos RM10,384.

Kaki palsu lama yang digunakannya ketika ini sudah berusia lima tahun dan ia untuk kanak-kanak, selain bahagian tapaknya juga sudah rosak.

Sementara itu, kakaknya, Nur Arifah, 28, berkata, adik kesayangannya itu kehilangan kaki kiri selepas terbabit kemalangan apabila kakinya termasuk ke dalam tayar motosikal ketika berusia lapan tahun.

Katanya, kejadian itu berlaku ketika Noor Iskandar Izzuddin dalam perjalanan ke kedai bersama jiran mereka, menyebabkan kakinya hampir putus dan usaha untuk menyambunginya juga gagal.

"Ini kerana ketinggian adik sudah tidak sesuai untuk kaki itu menyebabkan pergerakannya tidak seimbang selain tapaknya juga sudah rosak. Adik menggunakan kaki palsu setiap hari dan sebab itu dia sangat memerlukannya (yang baharu)," katanya.

Menurut Nur Arifah, kelangsungan hidup mereka sekeluarga bergantung padanya yang berkerja sebagai kerani dan ibu mereka yang juga ibu tunggal hasil berniaga makanan di hadapan rumah.

"Saya berharap adik dapat kaki palsu baharu yang lebih selesa kerana saya sedih juga melihat dia yang sukar berjalan dengan kaki palsu lama.

"Pihak sekolah prihatin dengan keadaan adik, kelas adik di letakkan di tingkat bawah cuma kalau mahu ke makmal atau pusat sumber dia perlu ke tingkat atas.

"Itu yang buat saya risau kalau jadi apa-apa, malah doktor ada beritahu minta kurangkan penggunaan kaki itu tetapi mahu buat macam mana," katanya memberitahu adiknya suka bermain badminton.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan dalam bentuk cek dengan menulis nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan sumbangan kepada tabung berkenaan layak mendapat pelepasan cukai.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank bernombor 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.

ANGKARA JAM TANGAN ROLEX, WARGA EMAS RUGI LEBIH SETENGAH JUTA

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/13/angkara-jam-tangan-rolex-warga-emas-rugi-lebih-setengah-juta/>

Sumber : Kosmo



SIBU – Seorang wanita warga emas kerugian lebih setengah juta akibat terpedaya dengan sindiket menjual jam tangan mewah jenama Rolex secara dalam talian.

Ketua Polis Daerah Sibu Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili berkata, segalanya berlaku apabila suri rumah berusia dalam lingkungan 60-an itu tertarik dengan tawaran di aplikasi WeChat, yang menawarkan empat utas jam Rolex pada harga hanya RM526,400.

Jelasnya, mangsa kemudian berhubung dengan suspek pada awal Februari lalu untuk urusan pembelian jam tangan berkenaan.

“Mangsa telah membuat sembilan transaksi pembayaran ke satu akaun bank tempatan bermula pada 15 hingga 27 Februari 2023.

“Bagaimanapun sehingga sekarang mangsa masih tidak menerima jam tangan yang dibeli dan suspek gagal dihubungi,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Zulkipli berkata, mangsa yang menyedari dirinya ditipu kemudian tampil membuat laporan polis di Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibu pada 14 Mac 2023 dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya membuat semakan dahulu sebelum membuat sebarang pembelian dalam talian terutama dengan tawaran harga yang murah bagi mengelak menjadi mangsa penipuan.

“Untuk maklumat lanjut, boleh rujuk kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 dan ikuti laman facebook @CyberCrimeAlertRMP @JSJKPDRM.

“Semakan pengesahan akaun bank dan nombor telefon yang diragui juga boleh disemak melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/>,” jelasnya. – KOSMO! ONLINE